

UPM promosi program pengajian ke Brunei

BRUNEI: Sebagai tanda sokongan serta pengem-bangan program akadem-iknya, pasukan promosi Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang dan Pejabat Pengurusan Akademik dan Penyelidikan UPM Kampus Bintulu telah mengambil bahagian dalam program Yes2Malaysia Education Expo 2024 di Bandar Sri Begawan, Brunei yang be-rakhir semalam.

Program yang berlang-sung selama tiga hari ber-mula Jumaat lalu di Hotel Mulia, merupakan antara kerjasama padu antara semua universiti di rantau ini bagi mempromosikan program

pengajian yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi masing-masing.

“Bagi UPM, ia merupa-kan platform terbaik bagi mempromosikan program pengajian di UPM Serdang khususnya di UPMKB yang terletak di Bintulu, Sarawak,” ujar UPMKB dalam kenyataan yang dike-luarkan dalam laman rasmi Facebooknya semalam.

Pada program ini, seban-yak 28 universiti awam dan swasta seluruh Malaysia telah menyertai ekspo pen-didikan yang berprestij ini.

Dalam masa sama ia meng-galakkan program pertuka-ran pelajar terutama pelajar

luar negara untuk datang belajar di Malaysia dan universiti yang terdapat di rantau ini.

Sehari sebelum ekspo pendidikan, pihak pengan-jur telah membawa delegasi universiti ke dua sekolah di Brunei dengan membuka ekspo mini masing-masing di St George’s School dan St Andrew’s School.

Pesuruhjaya Tinggi Ma-laysia ke Brunei Darussalam Dato Reza Raja Zaib Shah antara yang hadir ke lokasi ekspo, sekali gus bersama-sama mempromosikan pro-gram pengajian yang dita-warkan di institusi pengajian tinggi di Malaysia.